## 3.2 Bola Jaring

**1** Tandakan (BETUL) pada jawapan yang betul dan (PALSU) pada jawapan yang salah berkenaan bola jaring.

| | |
|---|---|
| (a) Satu perlawanan bola jaring biasanya berlangsung sebanyak 2 suku. | |
| (b) Permainan bola jaring tidak boleh dimainkan oleh lelaki. | |
| (c) Permainan bola jaring dimainkan dalam kalangan wanita dan amay popular di negara-negara Komanwel. | |
| (d) Pasukan bola jaring Malaysia Berjaya memperoleh emas dalam Sukan Sea 2017 menentang Singapura. | |
| (e) Bola jaring merupakan susan yang berasal daripada bola keranjang. | |

**2** Pilih jawapan yang paling betul berkenaan penggunaan daya semasa menghantar bola. TP2

(a) Daya (tolakan , tarikan) digunakan untuk membuat hantaran bola kepada pemain.
Pemain perlu ( menolak, menerima) bola supaya daya dipindahkan dari (tangan, kaki) kepada bola.

(b) Semakin jauh jarak pemain yang akan menerima bola, semakin (perlahan, laju) daya hantaran perlu dilakukan supaya tepat ke sasaran.

**3** Nomborkan mekanik lakuan semasa menerima bola mengikut turutan yang betul. TP2

| | |
|---|---|
| Bengkokkan siku dan bawa bola ke hadapan. | |
| Berdiri dengan sebelah kaki di hadapan. | |
| Terima bola dengan ibu jari berada di belakang bola. | |

| | |
|---|---|
| Hulurkan tangan ke hadapan dengan jari dan tapak tangan menghadap satu sama lain. | |
| Pindahkan berat badan ke kaki belakang. | |
| Mata memandang ke arah bola yang datang. | |

LIVEWORKSHEETS

**4** Kenal pasti peranan kaki yang menjadi paksi semasa melakukan kemahiran berikut menggunakan pilihan jawapan yang diberi. TP2 Buku Teks m/s 44-49

| Kemahiran asas bola jaring | Peranan Kaki |
|---|---|
| Menjaring | |
| Mengadang | |

Kedua-dua belah kaki | Sebelah kaki | Satu setengah langkah

**5** Isi tempat kosong di bawah berkenaan kemahiran mengacah dalam situasi permainan. TP2 Buku Teks m/s 48

Pemain perlu bergerak ………………………… dan …………………………… untuk membebaskan diri daripada ………………………………… bagi menerima hantaran.

**6** Pilih kemahiran-kemahiran asas bola jaring yang digunakan untuk menyerang dan bertahan. (jawapan lebih daripada satu)

| Menyerang | Bertahan |
|---|---|
| ○ Mengadang<br>○ Menjaring<br>○ Menghantar bola<br>○ Menerima bola<br>○ Mengacah<br>○ Gerak kaki | ○ Mengadang<br>○ Menjaring<br>○ Menghantar bola<br>○ Menerima bola<br>○ Mengacah<br>○ Gerak kaki |

LIVEWORKSHEETS